



ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ke-88

Pada 7 April 2018 -- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V yang juga merupakan Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah berkenan untuk berangkat mencemar duli bagi menyempurnakan Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen UiTM ke-88. Istiadat itu telah berlangsung dengan penuh gemilang di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam dan meraikan seramai 500 graduan yang terdiri daripada 98 penerima Ijazah Doktor Falsafah dan 402 penerima Ijazah Sarjana.

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-88 berlangsung di 12 buah kampus sehingga 29 April 2018 dengan jumlah keseluruhan seramai 25,886

orang graduan akan menerima anugerah masing-masing.

Pecahan anugerah adalah seperti berikut;

- 98 graduan Ijazah Doktor Falsafah
- 1,202 graduan Ijazah Sarjana
- 58 graduan Diploma Lulusan Ijazah
- 12,993 graduan Sarjana Muda
- 56 graduan Profesional, dan
- 11,479 graduan Diploma

13 sidang berlangsung di UiTM Shah Alam hingga 14 April 2018, menyaksikan seramai 12,503 graduan menerima anugerah masing-masing.





14 Mac 2018, Dengkil – Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah sekali lagi melakar sejarah apabila menghasilkan kenderaan tanpa pemandu oleh Universiti Awam pertama di Malaysia. UiTM Autonomous Vehicle (UiTM AV-1) adalah gabungan pakar penyelidik UiTM daripada empat (4) fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Sains Komputer dan Matematik serta Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Majlis Pelancaran UiTM AV-1 telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi, majlis juga turut dihadiri pengurusan tertinggi UiTM.

Uniknya model kenderaan UiTM AV-1 yang dihasilkan ini adalah ianya dihasilkan melalui kajian reka bentuk empat ikon yang beridentitikan Malaysia iaitu Wau Bulan, Keris, KLCC dan Bunga Raya yang menjadi DNA kepada gaya atau *sequence map* jati diri negara di samping memberikan penekanan kepada reka bentuk sejagat (*universal design*). Penekanan juga diberi kepada ketampakan dan acuan permukaan yang mana bentuk aerodinamiknya ditambah baik, berergonomik di samping mengaplikasi kelestarian teknologi dalam proses reka bentuknya.

Kenderaan elektrik berkapasiti dua/empat penumpang yang diintegrasikan dengan rekabentuk khusus seperti yang



dinyatakan di atas ini mempunyai casis kereta dan bateri litium dengan sistem pengurusan kuasa bagi memastikan ketahanan dan boleh beroperasi dalam jangka masa yang lebih panjang.



PROGRAM #KIT KEEPING^{IN} TOUCH

Bersama

**PEMIMPIN MAHASISWA
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI**

7 MAC 2018 | 3.00PM - 5.30PM
DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR

7 Mac 2018 - UiTM Shah Alam telah mengadakan program #KIT Keeping In Touch Bersama Menteri Pendidikan Tinggi. YB Dato' Seri Idris Bin Jusoh selaku Menteri Pendidikan Tinggi telah merasmikan program yang bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor tersebut. Bagi memberi ruang perkongsian serta penyebaran ilmu ke arah aspirasi negara, program yang dianjurkan ini turut melibatkan sesi dialog antara Menteri Pendidikan Tinggi dan pemimpin mahasiswa.



Majlis ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan dihadiri oleh 3,000 mahasiswa daripada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh Malaysia.

Program #KIT Keeping In Touch ini dianjurkan bertujuan menyediakan ruang kepada pemimpin mahasiswa IPT untuk menyuarakan pendapat serta pandangan kepada pihak pengurusan tertinggi kementerian sebagai langkah kerjasama pelaksanaan aktiviti yang bakal dirancang pada tahun 2018. Selain dapat memberi ruang kepada pemimpin mahasiswa untuk menyuarakan pandangan, program ini turut bertujuan untuk membina silaturrahim di samping menaikkan semangat kepimpinan dalam kalangan mahasiswa yang baru dilantik di IPT masing-masing. Program yang dijalankan ini akan menyempurnakan hasrat kerajaan untuk melahirkan graduan yang berinovatif dan berfikiran analitikal dan kritis serta berkeupayaan untuk berkomunikasi dengan berkesan.



pra diploma, asasi, diploma, sarjana muda, peringkat sarjana dan doktor falsafah. Semua program ini dijalankan di 35 kampus UiTM di seluruh Malaysia. Universiti Teknologi MARA juga ada

Pada 31 Mac dan 1 April 2018, bertempat di Padang Kawad, UiTM Shah Alam, Universiti Teknologi MARA telah sekali lagi menjadi tuan rumah bagi Program Karnival Pendidikan Tinggi Negara bagi zon Selangor. Program yang dianjurkan ini menyediakan sebanyak 104 ruang pameran yang melibatkan pelbagai Universiti Awam dan Swasta dari seluruh Malaysia.

Bagi UiTM, ditawarkan sebanyak 508 program daripada pelbagai peringkat ijazah iaitu

menawarkan program plus tahfiz mulai tahun ini kepada pelajar lepasan pengajian tahfiz yang ingin melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi MARA.

Program yang dijalankan ini bertujuan memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada institusi yang terlibat dalam program ini. Sebanyak 200 sekolah dari seluruh Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya dijemput menghadiri Karnival Pendidikan Tinggi Negara ini.





PPUiTM terima Peruntukan Menaik Taraf & Van Jenazah



Pada 2 April 2018 Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) telah menerima khabar gembira apabila YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri

Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah telah memberikan sumbangan wang dalam bentuk cek bernilai RM150,000.00 bagi tujuan menaik taraf Wad Wanita & Kanak-kanak. Selain itu, beliau juga telah menyumbangkan sebuah van jenazah untuk kegunaan staf dan pesakit di PPUiTM khususnya dan UiTM Kampus Sungai Buloh amnya yang bernilai RM 115, 400.00

PPUiTM menawarkan rawatan kepakaran daripada pelbagai disiplin yang terdiri daripada lima bidang perkhidmatan utama iaitu

perkhidmatan perubatan, perkhidmatan pembedahan, perkhidmatan kesihatan komuniti, perkhidmatan kesihatan Wanita & Kanak-kanak dan perkhidmatan diagnostik. Perkhidmatan ini disokong oleh Bahagian Pentadbiran PPUiTM, sokongan klinikal dan sokongan bukan klinikal. PPUiTM mempunyai Jabatan Kecemasan yang beroperasi 24 jam.

Majlis yang telah berlangsung di ruang lobi hospital itu menyaksikan YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah sendiri menyerahkan replika cek dan kunci kepada YBhg. Profesor Dr. Haji Zaini Abdullah Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni). Mudah-mudahan dengan sumbangan yang diberikan ini akan menjadikan PPUiTM terus berkembang maju di masa hadapan.



MAJLIS MAKAN MALAM SAMBUTAN 20 TAHUN



9 Mac 2018 bertempat di Shah Alam Convention Centre (SACC), Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) meraikan ulang tahunnya ke 20. Majlis sambutan ulang tahun ini merupakan hasil cetusan idea Prof. Sr. Dr. Hj. Abdul Hadi Hj. Nawawi, Dekan IPSiS. Sambutan ke 20 tahun dilihat lebih bermakna ini kerana, jualan meja-meja majlis makan malam ini dijalankan bagi mengumpul dana sumbangan yang akan dimasukkan dalam Tabung Amanah Siswazah UiTM.

Kemuncak majlis adalah pelancaran tabung tersebut yang telah dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Academician Ir. (Dr.) Ahmad Zaidee Laidin, Fasc, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Tujuan pelancaran

tabung tersebut adalah untuk membantu pelajar-pelajar pascasiswazah yang kurang berkemampuan untuk meneruskan pengajian di UiTM. Selain daripada itu, dana ini dilihat dapat membantu UiTM dalam meningkatkan kemampanan kewangan dalam usaha menyalurkan bantuan kewangan kepada pelajar, menyokong kepada pengajaran dan pembelajaran serta membantu dalam penambahbaikan infrastruktur jabatan.

Majlis sambutan tersebut turut diserikan dengan persembahan pembukaan yang amat menarik telah dipersembahkan oleh staf-staf daripada Pusat Kebudayaan UiTM. Seterusnya majlis diserikan dengan persembahan para-para artis jemputan tanah air iaitu Jay Jay dan Imran Ajmain.





Konsert UiTM-UNESCO INTERNATIONAL JAZZ DAY CELEBRATION 2018

Pada 27 dan 28 April 2018 yang lalu, Fakulti Muzik UiTM telah menganjurkan konsert jazz bersempena meraikan International Jazz Day sedunia. Konsert di UiTM ini telahpun disenaraikan secara rasmi oleh UNESCO sebagai penganjur konsert International Jazz Day sebaris dengan konsert-konsert lain di peringkat global. Konsert ini telah diadakan di Dewan Annexe UiTM dan telah dihadiri oleh YAM Tunku Dato` Seri Zain Al-`Abidin ibni Tuanku Muhriz, YBhg. Tan Sri Arshad Ayub; Pro Canselor UiTM, YBhg. Tan Sri Dato` Academician

Ir Dr Ahmad Zaidee bin Laidin; Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Y.Bhg Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBhg. Prof Dr Mohamad Kamal Hj Harun dan rektor-rektor dari cawangan kampus.


Program menganjurkan konsert "UiTM-UNESCO International Jazz Day 2018" merupakan usaha memastikan perkembangan dan pemahaman mengenai muzik Jazz pada masa kini. Festival ini juga akan memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman membuat persembahan disamping mengetengahkan muzik Jaz di Malaysia di peringkat global. Antara objektif utama program ini adalah untuk menghargai pengiktirafan dari UNESCO bagi menjayakan program International Jazz Day 2018.

Para pemuzik terdiri daripada para pensyarah, pelajar, alumni dan juga pemain muzik tanah air. Kumpulan seperti Malaysian Yellow Jackets dan New Sound merupakan pemuzik jemputan pada acara ini. Konsert yang berlangsung selama dua hari ini telahpun mempersembahkan sebanyak 19 buah lagu jazz dari pelbagai kategori dan diantaranya merupakan hasil gubahan dan ciptaan para pensyarah. Bilangan penglibatan adalah hampir 90 orang termasuklah para pemuzik serta kru produksi.



UiTM

Institusi Pendidikan Tinggi
Pertama Di Dunia
Menerbitkan
Green Sri Sukuk



Pada 18 April 2018 bertempat di Putrajaya, Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah melaksanakan sebuah inisiatif strategik untuk membangunkan sebuah Jana Kuasa Elektrik Solar PV Berskala Besar 50 MW Sejalan dengan memenuhi aspirasi Teknologi Hijau Negara sebagai pemacu pembangunan ekonomi yang mampan.

UiTM telah menyuntik ekuiti sebanyak RM 56 juta ke dalam projek ini. Baki sebanyak 80%, akan dibiayai menerusi terbitan Sukuk Hijau SRI (Green Sri Sukuk) RM 222 juta untuk membiayai pembinaan Jana Kuasa Solar ini. Ia merupakan Sukuk Hijau SRI yang pertama di dunia yang dikeluarkan oleh sebuah universiti. Melihat pulangan yang stabil projek serta reputasi UiTM yang mantap, Sukuk Hijau SRI ini telah diberikan taraf double A minus (AA-) dengan tinjauan stabil (stable outlook) oleh Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC). Affin Hwang Investment Bank Berhad, yang merupakan Pengatur Utama dan Pengurus Utama Sri Sukuk Hijau telah memainkan peranan penting dalam mencapai Penutupan Kewangan (Financial Close) untuk projek serta dalam proses penerbitan Sukuk Hijau SRI.





PEMBEDAHAN ROBOTIK TONSILLECTOMY PERTAMA DI MALAYSIA

28 Mac 2018 - Pusat Pakar Perubatan UiTM, Sungai Buloh, Selangor, telah berjaya melakukan satu pembedahan untuk membuang tonsil menggunakan robot, yang pertama seumpamanya di Malaysia.


Pembedahan tersebut di lakukan oleh Dr. Ahmad Kusyairi Khalid (Pakar Bedah Telinga, Hidung, Tekak – Kepala dan Leher UiTM, Malaysia) dan di bantu oleh Dr. Song Tar Toh (Pakar Bedah Telinga, Hidung, Tekak – Kepala dan Leher dari Hospital Besar Singapura)

UiTM merupakan Universiti pertama di Malaysia yang memiliki Sistem Robot Da Vinci tersebut pada tahun 2017 dimana Dr. Ahmad Kusyairi Khalid telah di hantar ke Korea Selatan untuk mendalami pengetahuan mengenai pembedahan menggunakan robot.

Kaedah pembedahan menggunakan Robot Da Vinci ini mempunyai banyak kelebihan di antaranya adalah masa pembedahan



dan pemulihan yang singkat, parut yang sangat kecil, mengekalkan banyak fungsi organ selepas pembedahan, 3D Ultra HD vision yakni membantu untuk mencapai pembedahan yang tepat dan terperinci serta dapat melakukan pembedahan-pembedahan di tempat-tempat dalam badan yang sukar dicapai sebelum ini.





MAJLIS ANUGERAH TOKOH SISWA UiTM 2017

15 Mac 2018 – Bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM telah mengadakan Majlis Anugerah Tokoh Siswa UiTM 2017 bagi meraikan mahasiswa yang cemerlang. Majlis Anugerah Tokoh Siswa UiTM 2017 diadakan sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan pelajar dalam pelaksanaan program / aktiviti pelajar yang berimpak tinggi sama ada di peringkat universiti, negara dan antarabangsa.

Majlis ini dirasmikan oleh YB KDR (k) Dato' Sri Dr Haji Irmohizam Haji Ibrahim, Ahli Lembaga Pengarah UiTM. Program dijalankan mempunyai objektif sendiri iaitu antaranya memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan pelajar dalam

pengurusan organisasi dan pelaksanaan program/ aktiviti pelajar.

Tahun 2018 merupakan tahun ke lima majlis ini diadakan. Ianya adalah selaras dengan majlis penghargaan peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu Majlis Anugerah Tokoh Siswa KPT 2017. Sebanyak 2 Anugerah Utama, 13 anugerah (mengikut kategori) dan 3 anugerah khas yang akan disampaikan pada majlis kali ini.

Di samping memotivasi dan memberi peluang kepada para pelajar untuk mengetengahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri pelajar, majlis ini adalah sebagai tanda sokongan daripada pihak universiti kepada pihak persatuan/kelab pelajar agar meneruskan terus aktif dan cemerlang dalam penganjuran aktiviti pelajar yang berimpak tinggi.





Shah Alam - Pada 27 Mac 2018, bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), Pusat Sukan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Sukan UiTM 2017. Majlis gilang gemilang ini telah dirasmikan sendiri oleh Naib Canselor UiTM, Professor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said.

Olahragawan, Olahragawati, Anugerah Hall of Fame, Anugerah Emas Universiti, Anugerah Perak Universiti, Anugerah Gangsa Universiti, Anugerah Khas Universiti, Anugerah Sijil Penghargaan, Pasukan Cemerlang, Pengurus Cemerlang, Jurulatih Cemerlang, Tokoh Sukan UiTM dan Tokoh Sukan Alumni, serta penghargaan khas staf.

Di samping memberi pengiktirafan terhadap sumbangan dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh para atlet dan pegawai yang telah mengharumkan nama UiTM dalam arena sukan, program yang dianjurkan ini turut bertujuan menggalakkan penglibatan aktif pelajar didalam bidang sukan.

Pihak jawatankuasa pemilihan yang dipengerusikan oleh Dr. Razali Mohamed Salleh Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM telah menerima sebanyak 190 pencalonan dari berbagai kategori yang dipertandingkan. Dalam program ini, seramai dua orang pelajar telah dinobatkan sebagai olahragawan dan olahragawati UiTM 2017 iaitu saudara Meor Muhamad Azuan Hasan dan Nur Syafiqah Mohd Zain dan kedua-duanya mengungguli kategori permainan hoki.

Sebanyak 15 kategori anugerah diberikan kepada atlet dan pegawai yang telah mempamerkan kecemerlangan dalam bidang sukan masing-masing sepanjang tahun 2017 yang lalu. Anugerah yang dipertandingkan adalah Anugerah





**MoU UiTM dan
SAS Institute Sdn Bhd**

**MoU UiTM dan
MyHSR Corp**



SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipuudin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Wartawan
Nurul Amira Ayob *(Pelajar Praktikal)*

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman

 @VCUiTM

 UiTM *di hatiku*
YouTube

 www.uitm.edu.my

 **UiTM Rasmi:** www.facebook.com/uitmrasm
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

